

## **ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL 10 TAHUN**

---

### **PUNGUTAN PREMIUM DAN TUNGGAKAN PREMIUM PERMOHONAN MILIK TANAH**

---

Arahan ini dikeluarkan supaya Pentadbir-Pentadbir Tanah mengambil langkah tertentu ke arah memungut bayaran premium milik tanah. Memungut bayaran premium milik tanah adalah sebahagian daripada prosedur pemberian milik tanah. Tanpa pungutan/bayaran premium suratan hakmilik tidak dapat didaftarkan. Perkara ini menimbulkan kesan kepada Kerajaan dan juga kepada orang ramai. Perkara ini menimbulkan kesan kepada Kerajaan dan juga kepada orang ramai. Orang ramai tidak akan dapat memiliki tanah sebagai aset dan Kerajaan tidak dapat mengenakan cukai tanah dan dengan itu perkhidmatan kepada rakyat dalam pemberian milik tanah tidak mendatangkan kesan.

2. Adalah didapati sejumlah besar bayaran premium kelulusan pemberian milik tanah tidak dapat dipungut. Angka-angka di bawah menunjukkan kedudukan hingga tahun 1997 mengikut jajahan :

**PREMIUM MILIK TANAH MENGIKUT JAJAHAN HINGGA AKHIR 1997**

| BIL | JAJAHAN       | PATUT<br>DIPUNGUT    | TELAH<br>DIPUNGUT   | TUNGGAKAN           |
|-----|---------------|----------------------|---------------------|---------------------|
|     |               | TAHUN 1997           | TAHUN 1997          |                     |
| 1.  | KOTA BHARU    | 4,480,458.40         | 413,534.10          | 4,426,924.30        |
| 2.  | KUALA KRAI    | 437,876.40           | 305,771.30          | 132,105.10          |
| 3.  | PASIR MAS     | 285,916.00           | 253,790.10          | 32.125.90           |
| 4.  | TANAH MERAH   | 2,349,474.55         | 375,135.20          | 1,974,339.35        |
| 5.  | PASIR PUTEH   | 731,139.50           | 103,561.00          | 627,578.50          |
| 6.  | MACHANG       | 162,491.00           | 143,017.00          | 19,474.00           |
| 7.  | BACHOK        | 277,483.00           | 153,343.00          | 124,140.00          |
| 8.  | TUMPAT        | 867,707.00           | 58,126.00           | 809,581.00          |
| 9.  | GUA MUSANG    | 1,621,817.10         | 322,575.60          | 1,299,241.50        |
| 10. | JELI          | 12,159,104.95        | 2,414,155.20        | 9,744,949.75        |
|     | <b>JUMLAH</b> | <b>12,159,104.95</b> | <b>2,414,155.20</b> | <b>9,744,949.75</b> |

3. Dengan ini adalah dinasihatkan supaya langkahan-langkahan diambil sebagaimana berikut :
  - 3.1. Mengeluarkan notis pentadbiran kepada pemohon memberi tempoh 3 bulan bagi membuat bayaran.
  - 3.2. Menyediakan senarai pemohon-pemohon milik tanah yang belum membuat bayaran premium mengikut mukim penghulu.
  - 3.3. Membuat perbincangan melalui Mesyuarat Penggawa/Penghulu mengikut senarai yang disediakan di para 3.2.
  - 3.4. Mempamerkan notis/senarai di tempat-tempat keramaian, seperti Masjid, Surau, Kedai Kopi, Wakil Pos, Komplek Penggawa dan sebagainya.
  - 3.5. Memberi penekanan dalam ucapan-ucapan dan ceramah-ceramah melalui majlis-majlis dianjurkan oleh Pejabat Tanah dan Jajahan serta Majlis Daerah.
  - 3.6. Langkah terakhir dengan mengeluarkan notis melalui Borang 5A, Kanun Tanah Negara mengikut peruntukan Seksyen 81 dan 82 Kanun Tanah Negara Tahun 1965.
4. Adalah dinasihatkan kepada semua Pentadbir-Pentadbir Tanah supaya dapat mengikuti dan mengambil langkah-langkah sebagaimana para 3 di atas bagi membolehkan urusan pemberian milik tanah dilakukan dengan berkesan.

**t.t**  
**(MD.Yusuf bin Noh)**  
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**KELANTAN**

**KEPADA :**

YABrs. Semua Pentadbir Tanah Jajahan  
Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YBM. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha  
(Majlis Mesyuarat Kerajaan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, TINGKAT BAWAH  
KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU**

**FAIL : PTG.KN. 3269 JLD.2 (35)**

**BERTARIKH : 14 JAMADIL AKHIR, 1419H  
05 OKTOBER 1998**